

BAB II

KONSEP KOMUNIKASI ISLAM

2.0 PENDAHULUAN :

Islam, sebagai sebuah agama dan tradisi yang lengkap, mempunyai perspektifnya tersendiri dalam apa jua bidang, termasuklah bidang komunikasi. Dalam membincangkan komunikasi menurut perspektif Islam, kita akan melihat beberapa perbezaan yang nyata jika dibandingkan dengan perspektif Barat semasa. Ini kerana Islam sentiasa melihat komunikasi dalam bentuk yang lebih luas, melibatkan tiga unsur iaitu manusia, alam dan Tuhan.

Sekalipun kajian komunikasi lebih tertumpu kepada komunikasi yang menjadikan manusia sebagai fokus perbincangan, ini tidak bermakna komunikasi tidak wujud antara manusia dengan selain daripada manusia. Fenomena ini berlaku lantaran dominasi perspektif sains dan sekular Barat dalam disiplin ilmu komunikasi.

Islam juga turut menekankan persoalan serta nilai berbentuk akhlak, di samping aqidah dan syariat yang menjadi sandaran komunikasi Islam. Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa Islam menolak sepenuhnya apa yang dicadangkan oleh aliran komunikasi konvensional hari ini. Segala pembuktian sains Barat yang bersifat positivistik dewasa ini, kebanyakannya berbentuk fungsional dan operatif. Islam, sebagai agama yang fleksibel selaras dengan keperluan hidup manusia, menerima segala pembuktian yang tidak bercanggah dengan Syariahnya.

2.1 MANUSIA SEBAGAI MAKHLUK KOMUNIKATIF :

Manusia merupakan fokus utama perbincangan komunikasi konvensional, dan sebahagian daripada persoalan komunikasi dalam Islam. Bagi mendalami persoalan komunikasi yang berlaku pada diri manusia, perlu diketahui terlebih dahulu sifat dan hakikat diri manusia itu sendiri. Antaranya ialah perbincangan mengenai sifat komunikatif manusia yang berbaur dengan rasionalitinya.

Manusia menurut definisi moden adalah Haiwan Rasional, manakala dalam tradisi Greek dikenali sebagai “*Zoon Exon Logon*”, iaitu *animal with speech*. Dalam tradisi Islam pula, manusia dikenali sebagai *Makhluk Natiq*, iaitu makhluk yang boleh berkata-kata, atau makhluk yang mempunyai *logos*.

Manusia dikatakan sebagai makhluk komunikatif pada asasnya kerana kehidupan manusia adalah saling berhubungan dan berinteraksi. Ini menjadikan kehidupan manusia berkait rapat dengan maklumat. Istilah Greek ; *Zoon Exon Logon*, dan tradisi Islam ; *Natiq*, adalah berkaitan dengan potensi atau kebolehan untuk berkata-kata, mencipta maklumat dan kreatif.

Menurut pandangan Islam, potensi tersebut telah tertanam dalam diri manusia semenjak awal kejadian manusia lagi. Berbeza dengan Haiwan Rasional yang tidak mengiktiraf potensi tersebut secara semulajadi, sebaliknya didapati melalui percubaan dan pengalaman. Ini kerana pandangan rasional memerlukan pembuktian akal dan logik agar sesuatu perkara dapat diterima sebagai ilmu atau pengetahuan (*knowledge*). Taakulan inilah yang menjadi teras bagi rasionaliti yang ada pada Haiwan Rasional.

Hakikat kejadian memperlihatkan bahwa manusia dilengkapi dengan dua tabi'i iaitu jasad dan jiwa, fizikal dan spiritual. Manusia adalah gabungan kedua-dua unsur tersebut. Ini menjadikan manusia dilengkapi dengan berbagai fakulti seperti *Ruh* (*spirit*), *Nafs* (*self or soul*), *Qalb* (*heart*) dan *'Aql* (*intellect*). Setiap istilah tersebut mempunyai dua pengertian yang setiap satunya berkaitan dengan aspek fizikal atau kehaiwanan dan aspek spiritual (Al-Ghazali 1984 : 1-5).

Oleh kerana manusia adalah gabungan antara jasad dan roh, maka manusia dikategorikan menurut penglibatannya dengan unsur jasad dan roh. Manusia diidentifikasikan sebagai *al-Nafs al-Hayawaniyyah* apabila terlibat dengan unsur jasad, dan diidentifikasikan sebagai *al-Nafs al-Natiqah* apabila terlibat dengan unsur rohani (Seyyed Hossein Nasr 1964 : 248-259).

Manusia dianugerahkan ilmu berkenaan dengan perkara-perkara yang dapat dirasai dan juga yang berbentuk intelektual serta ilmu berkaitan ketuhanan. Manusia secara semulajadinya adalah pelupa yang menjurus kepada mengingkari Tuhan, seterusnya membawa kepada kezaliman dan kejahilan.

Asas pengetahuan manusia mengenai Tuhan telah wujud sejak awal lagi apabila Allah bertanya “ Bukankah aku Tuhanmu ? ”. Mereka menjawab “ Ya, kami bersaksi...” (Al-A'raaf 7 : 172). Inilah juga asal “ bahasa ” dan asal persaudaraan manusia.

Sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab memelihara alam ini dan juga dirinya. Tujuan utama agama adalah untuk mengembalikan manusia ke alam

perjanjian tersebut yang melibatkan pengenalan dirinya, matlamat roh melalui ilmu hakiki dan amal salih. Inilah kemuncak matlamat hidup manusia iaitu kembali kepada Allah. Konsep ini tidak dapat diterima oleh pemikiran sekular, dan hanya dapat difahami melalui kefahaman terhadap al-Quran.

Aspek akal rasional yang dikenali sebagai “*Nafs Natiqah*” diberikan tugas untuk mengawal aspek kehaiwanan dalam diri manusia. Ini selaras dengan pengertian akal yang secara literalnya bermaksud “mengikat”. Manusia yang hanya berpegang kepada akal dan rasionaliti adalah berpusat kepada diri manusia, tanpa mengakui campur tangan Tuhan. Ini bererti “*Nafs Natiqah*” telah diabaikan dan tidak diiktiraf kedudukannya.

Ramai yang terkeliru dengan penggunaan “rasional” dan akal. Rasional dikatakan sinonim dengan akal. Namun jika dikaji sebaiknya, akan didapati bahawa rasional hanyalah sebahagian daripada fungsi akal, dan bukanlah sesuatu yang “*ultimate*”. Akal yang sihat sentiasa bertepatan dengan wahyu Allah dan tidak akan bertentangan dengan ajaran-ajaran al-Quran (Sulaiman Noordin 1993 : 160).

Dalam tradisi Islam, manusia sebagai “Makhluk Komunikatif” mempunyai kaitan yang rapat dengan matlamat hidup individu Muslim. Keupayaan sebagai makhluk komunikatif melibatkan proses “*Tazkir*” iaitu mengembalikan dan memperingatkan manusia bahawa dunia ini adalah penuh dengan kesamaran. Namun apabila ditazkirkan, manusia akan sedar dan kembali kepada Penciptanya, seperti mana yang berlaku di *alam mithaq* (*primordial covenant*). Proses tazkir tersebut merupakan satu proses komunikasi.

Proses komunikasi tazkir melibatkan kefahaman sebenar mengenai kalam Allah yang dimanifestasikan dalam bentuk wahyu dan alam fizikal ini. Komunikasi tersebut berlaku melalui pelbagai saluran ilmu dan pelaksanaan yang sempurna mengikut prinsip-prinsip hikmah, moderat, berani dan adil.

Komunikasi tazkir tersebut seterusnya akan menghasilkan kesejahteraan dan memupuk *mahabbah* iaitu cinta sejati kepada Allah. Ia sebagai satu persiapan untuk mencapai kesejahteraan hakiki di akhirat kelak iaitu “*Ru'yatullah*” (*The Vision of Allah*) apabila Allah dapat dipersepsikan.

Komunikasi tersebut menjadi kenyataan kerana hakikat manusia yang terdiri daripada jasad dan roh telah dibekalkan dengan pelbagai bentuk maklumat secara “*semulajadi*” dan dipandu oleh wahyu Ilahi.

Berbeza keadaannya jika manusia dikatakan sebagai haiwan rasional. Komunikasi tersebut gagal berlangsung kerana “*haiwan rasional*” telah menafikan unsur-unsur spiritual dan panduan-panduan Tuhan. Ini jelas membuktikan bahawa manusia pada hakikat kejadiannya adalah “*makhluk komunikatif*” dan bukannya “*haiwan rasional*”.

Atas dasar tersebut, maka manusia sebagai makhluk komunikatif adalah sentiasa terikat kepada segala bentuk peraturan dan undang-undang yang telah digariskan oleh Allah, Tuhan yang mencipta makhluk itu. Semua peraturan dan perundangan tersebut disyariatkan demi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup makhluk itu sendiri.

2.2 TEORI KOMUNIKASI PERSPEKTIF ASIA ; MENCETUS KOMUNIKASI PERSPEKTIF ISLAM :

Dunia komunikasi dewasa ini terus didominasi oleh teori dan model Barat, seperti yang telah diterangkan secara umumnya sebelum ini. Pendekatan komunikasi Barat banyak memperkecilkan fungsi komunikasi masyarakat dan tidak mengendahkan peranan struktur sosial dan kebudayaan. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh pendekatan yang digunakan terlalu memberikan penekanan kepada individu. Kenyataan tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui model-model komunikasi Barat yang terlalu menekankan komunikator, seperti yang dicadangkan oleh Aristotle dalam bukunya *De Arte Rhetorika*. Perspektif komunikasi Barat yang diwarisi daripada Aristotle secara keseluruhannya lebih berbentuk mekanistik, positivistik dan fungsionalistik.

Menurut Wimal Dissanayake (1988b : 6), masyarakat sebelah Timur, dalam membincangkan persoalan komunikasi, perlu peka kepada pragmatik dan teori. Pragmatik merujuk kepada sifat fungsionalisme konservatif yang mengekalkan *status quo* serta kemampuannya menangani perubahan sosial dengan cara yang produktif dan meyakinkan. Oleh itu, penyelidikan sosial perlu dilakukan dalam bentuk penglibatan yang menolak perspektif positivistik.

Pada peringkat metafizikal, turut wujud masalah yang begitu ketara antara perspektif Asia dengan fungsionalisme. Fungsionalisme dibentuk daripada sains semulajadi positivistik yang beranggapan bahawa manusia menguasai alam semulajadi untuk kepentingan sesama manusia. Ia mencadangkan konsep dualiti

antara manusia dengan alam. Sebaliknya, kebudayaan Asia dengan tegas menekankan hubungan rapat antara manusia dengan alam. Dapat dilihat perbezaan ketara antara ciri-ciri metafizikal dan epistemologi dalam fungsionalisme dengan etos dalam kebudayaan Asia (Wimal Dissanayake 1988b : 6).

Justeru, adalah perlu bagi para sarjana Asia untuk menghapuskan pengaruh model mekanistik Aristotle serta mengalihkan pandangan mereka ke arah pendekatan penglibatan dan falsafah seperti fenomenologi yang tidak menerima pembahagian kaku antara perkara yang dapat dilihat pada zahir dengan perkara yang dapat dilihat secara realiti, dan yang menekankan imaginasi, gerak hati atau intuisi, dan nilai (Imtiaz Hasnain 1988 : 194).

Sekarang, telah tiba masanya bagi para sarjana dalam bidang komunikasi di Asia untuk memberikan sumbangan menurut kaca mata budaya dan tradisi intelektual yang mengandungi etika budaya mereka sendiri. Secara umumnya, Asia boleh mendakwa bahawa tradisi mereka kaya dan lebih awal dalam bidang keilmuan agama, falsafah dan kesenian yang semuanya merupakan induk sesuatu kebudayaan, selaras dengan pandangan Edward Hall iaitu kebudayaan adalah komunikasi dan komunikasi adalah kebudayaan (Wimal Dissanayake 1988a : ix). Kesatuan antara komunikasi dan kebudayaan ini telah berjaya membentuk peradaban sesuatu bangsa sejak sekian lama, termasuklah Peradaban Islam.

Teori Komunikasi Perspektif Asia yang dicadangkan oleh para sarjana Asia seperti Wimal Dissanayake (1988c : 41), Usha Vyasulu (1988 : 72), Leonard L. Chu (1988 : 132), Muneo Jay Yoshikawa (1988 : 157), Majid Tehranian (1988 : 201) dan

lain-lain ini, merupakan pendekatan serta usaha awal bukan Barat yang mencetus atau menimbulkan kajian dalam perspektif lain seperti perspektif Islam, China, India dan Jepun.

2.3 MEMBENTUK KOMUNIKASI DARI PERSPEKTIF ISLAM :

Komunikasi sebagai satu disiplin ilmu semasa, telah begitu didominasi oleh sains Barat. Segenap aspek diterangkan menurut perspektif sekular sains Barat yang berteraskan kepada logik, rasional dan empirikal. Bagi mengimbangi keadaan tersebut, komunikasi sepatutnya juga ditinjau dari perspektif selain daripada perspektif sains Barat. Ini tidak bermakna menolak semua yang telah dikemukakan oleh sains Barat, tetapi sebagai suatu perincian lebih menyeluruh, di samping menolak sesuatu yang bertentangan dengan dasar-dasar asas bagi perspektif selain sains Barat.

Komunikasi dari perspektif Islam, umpamanya, perlu dikemukakan bagi mengimbangi apa yang disediakan oleh dunia sains komunikasi Barat. Perbincangan dalam komunikasi perspektif Islam bukanlah bererti menolak pembuktian yang dikemukakan oleh sains Barat, khususnya yang bersifat operatif dan mekanistik. Perbincangan lebih berkisar di sekitar apa yang telah diterangkan oleh syariat Islam berhubung dengan persoalan komunikasi. Di samping itu, Islam tetap menerima pembuktian sains Barat, selagi mana tidak bertentangan dengan landasan syariatnya.

Komunikasi dari perspektif Islam walaupun pada hakikatnya telah wujud sejak sekian lama, namun pembinaan perspektif tersebut dengan penyesuaian dengan kerangka teori Barat masih lagi bersifat setahun jagung dalam bidang sains

komunikasi semasa. Justeru, para sarjana, Muslim khususnya, telah mengorak langkah bagi mewujudkan formula yang membina perspektif Islam dalam kajian ilmiah, termasuklah bidang komunikasi.

Bagi mewujudkan komunikasi dari perspektif Islam, para sarjana komunikasi Islam telah mencadangkan beberapa kaedah, yang sebenarnya telah disesuaikan daripada sains Barat. Dilnawaz A. Siddiqui (1991 : 8 (3) : 484), misalnya, telah mencadangkan pembentukan komunikasi perspektif Islam dengan meninjau beberapa aspek iaitu sudut ontologi (fenomena semulajadi komunikasi), epistemologi (sifat semulajadi teori yang mendasari pengetahuan mengenai fenomena tersebut), metateori (kepercayaan asas yang mendasari sifat semulajadi teori) dan metodologi (sifat semulajadi proses dan strategi pengkajian teori tersebut).

2.3.1 DARI SUDUT ONTOLOGI :

Secara ontologinya, fenomena komunikasi (yang menggambarkan sesuatu realiti) adalah berbentuk tindakan (*actional*) dan sebenar (*realistic*). Ini terbukti dengan wujudnya dua keadaan ; pertama, pemilihan tindakan secara sedar ataupun tidak sedar oleh pihak yang melakukan atau melihat realiti tersebut, dan kedua, konteks sosial di mana berlakunya fenomena komunikasi tersebut.

Islam telah menyediakan lebih daripada sekadar keadaan tersebut apabila turut menilai jauh ke dalam asal-usul bagi sesuatu tabiat (secara verbal ataupun fizikal), kehendak dan sikap seseorang. Semuanya adalah berkait rapat dengan kepercayaan serta penilaian sebenar seseorang. Manusia atau individu secara dasarnya bebas

membuat pemilihan dalam sesuatu tindakan, tetapi masih dibatasi oleh sistem nilai yang digariskan oleh konteks ketuhanan dan keagamaan.

Islam memandang keadaan semulajadi bagi fenomena komunikasi daripada perspektif teleologik yang pra-dominan di mana manusia sepatutnya bertindak atau bersikap sebagai agen yang sedar serta bertanggungjawab, dan dapat menentukan sendiri tindakannya. Justeru, tindakan seseorang, termasuklah komunikasi, adalah berkait rapat dengan sistem iman, niat dan amal (Dilnawaz A. Siddiqui 1991 : 8 (3) : 484).

2.3.2 DARI SUDUT EPISTEMOLOGI :

Menurut M.J. Smith (1988 : 307), dalam bidang epistemologi masa kini terdapat enam aliran utama iaitu rasionalisme, rasional empirisme, mekanistik empirisme, logik positivism, konstruktivisme dan realisme.

Aliran-aliran tersebut secara umumnya menekankan penggunaan rasional, logik, pemerhatian serta sebab dan akibat dalam setiap persoalan, termasuklah komunikasi. Biar apa pun prinsip yang mendasari aliran-aliran tersebut, perbincangan mengenai epistemologi dalam tradisi Barat seringkali dipugari dengan ekstrimisme (Ba-Yunus I. dan Ahmad 1985 : 43).

Epistemologi daripada perspektif Islam adalah berdasarkan kepada penggunaan yang seimbang bagi segala anugerah Allah, dengan didokong oleh wahyu. Realiti dan pengetahuan sebenar adalah milik Allah. Namun begitu, manusia

boleh mendapat sebahagian daripada pengetahuan tersebut melalui akal, pemerhatian, pancaindera, intelektualiti, telepati, gerak hati dan juga pengalaman mistik ataupun ilham, seperti wahyu yang diterima oleh para nabi. Tidak wujud percanggahan antara akal manusia dengan wahyu kerana wahyu dapat difahami melalui kesempurnaan penggunaan akal, panca indera, pemerhatian dan gerak hati

Epistemologi dalam komunikasi dari perspektif Islam, menurut Dilnawaz Siddiqui (1991 : 8 (3) : 487), mengundang kesedaran mengenai dua perkara ; pertama, fenomena komunikasi adalah bersifat multidimensi, kerana ia adalah hasil daripada interaksi kompleks antara sistem kepercayaan, sikap dan tabiat. Perkara kedua ialah untuk memahami dan menilainya seseorang itu perlu bergantung kepada pancaindera, pemerhatian, akal dan gerak hati yang didasari oleh keimanan sebenar serta keikhlasan dalam mencari kebenaran.

2.3.3 DARI SUDUT METATEORI :

Dalam kajian metateori, terdapat dua aliran utama iaitu akliyah (*causal*) dan teleologik (*teleological*). Aliran akliyah berpandangan bahawa wujudnya suatu undang-undang mutlak yang menentukan kepercayaan, nilai, tabiat, kehendak dan tindakan seseorang. Aliran akliyah tersebut bersifat penentu (*deterministic*) dan tidak bertanggungjawab ke atas kepercayaan atau pandangan, sikap dan tabiat seseorang. Maksudnya, seseorang individu adalah bebas menentukan penilaiannya berdasarkan akal yang telah diberikan kuasa mutlak dan bertindak sebagai penentu bagi apa jua perkara tanpa sebarang batasan.

Manakala aliran teleologik pula adalah berdasarkan peraturan sosial ataupun peribadi. Pandangan aliran teleologik ini adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa manusia memang mempunyai akal, tetapi tidak bersifat mutlak dan penentu. Akal ada sempadannya. Manusia diatur oleh peraturan fizikal tertentu dan menikmati kebebasan (*free will*) dengan didokong oleh aspek spiritual, intelektual, pemerhatian serta fakulti-fakulti lain yang berkaitan. Kebebasan tersebut memberikan peluang kepada individu untuk memilih antara yang baik dan buruk.

Perspektif Islam adalah bersifat teleologik dan mengiktiraf hikmah-hikmah bagi segala bentuk ciptaan Allah dan tujuan penciptaannya. Ini termasuklah pelbagai bentuk kehidupan, selain daripada kehidupan manusia. Allah telah mengutuskan para Nabi dan Rasul bagi menerangkan prinsip-prinsipnya agar manusia tahu apa yang dibenarkan dan apa yang dilarang. Ini membuktikan keadilan Allah sebagai Pencipta. Hanya Khaliq (Pencipta) yang lebih mengetahui tentang makhlukNya, dan manusia sebagai sebaik-baik ciptaan Allah perlu mematuhi segala peraturanNya.

Sebagai balasan di atas segala kurniaan Allah iaitu kebebasan yang diatur oleh fakulti-fakulti fizikal, mental dan spiritual, seseorang individu perlu membuat pilihan yang “ tepat ” bagi setiap perkara dalam hidupnya. Sekiranya ia menghadap kepada Allah dengan sebaiknya, maka Allah akan memberikan panduanNya. Sebaliknya, Allah akan memberikan azab dan sengsara kepada individu yang mengingkari pedomannya.

Secara keseluruhannya, pemilihan kepercayaan, sikap dan tabiat manusia tidaklah bersifat mutlak bagi akal seseorang individu. Manusia berhak memilih untuk

menentukan bentuk kepercayaan, sikap dan tabiatnya sendiri, dengan dipandukan oleh pedoman yang diberikan oleh Allah. Maka setiap tindakan manusia sama ada secara verbal atau non verbal adalah diperhitungkan mengikut niatnya. Di akhirat kelak, manusia akan dihisab dan diberikan balasan setimpal dengan amalannya semasa hidup di atas muka bumi (Dilnawaz A. Siddiqui 1991 : 8 (3) : 488).

2.3.4 DARI SUDUT METODOLOGI :

Kajian mengenai komunikasi dalam dunia sains sosial Barat dilakukan berdasarkan beberapa bentuk metodologi seperti pencerapan, kaji selidik, teknik-teknik kajian lapangan dan analisis perbincangan. Ada juga kajian dilakukan berdasarkan gabungan antara analisis kritikal dan teknik pemerhatian saintifik.

Pada asasnya, pemilihan bentuk kajian (*research design*) hendaklah dilakukan selaras dengan sifat semulajadi pemboleh ubah sesuatu data yang dinilai (*the nature of variables being measured*) dan juga sifat semulajadi hubungan yang dikaji (*the nature of relationships being investigated*). Setiap pemboleh ubah sesuatu data perlu ada hubungan yang berkaitan dengan topik kajian.

Metodologi kajian dalam perspektif Islam juga perlu menggunakan prinsip yang sama. Pemilihan topik-topik kajian dan responden yang terlibat dengan kajian hendaklah dilakukan dengan mengambil kira tata susila dalam Islam serta menghormati hak peribadi individu. Di samping itu, perlu dipastikan juga bahawa kajian tersebut adalah signifikan serta bermanfaat kepada masyarakat (Dilnawaz A. Siddiqui 1991 : 8 (3) : 489).

2.4 DEFINISI KOMUNIKASI ISLAM :

Pelbagai definisi telah diberikan oleh para sarjana untuk menerangkan maksud komunikasi. Secara umumnya, istilah komunikasi adalah berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *communication*.

Menurut Gerald Barry (1965 : 16) dalam bukunya "*Communication and Language*", istilah komunikasi adalah berasal daripada perkataan Latin "*Communicare*" yang bermaksud *to talk together, confer, discourse, and consult with another*.

Menurutnya lagi, komunikasi juga berasal daripada perkataan Latin lain iaitu *Communitas*, yang bukan sahaja bermaksud *community*, tetapi juga bermakna *fellowship* dan *justice* dalam rangka hubungan antara individu dengan individu lain.

Menerusi komunikasi, masyarakat (*society*) adalah didasarkan kepada bentuk kehidupan bersama untuk mencapai tujuan bersama, dalam bentuk ucapan, tindakan dan kerjasama. Menerusi komunikasi juga, individu akan mendapat pengetahuan, informasi dan pengalaman kehidupan. Justeru, akan terbentuklah sikap persefahaman, percakapan, keyakinan, kepercayaan, tindakan dan kawalan sewajarnya dalam rangka membentuk kehidupan yang harmoni.

Schramm dan Roberts (1971 : 8) dalam karya mereka yang bertajuk "*The Process and Effects of Mass Communication*", telah mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses untuk berkongsi sesuatu orientasi terhadap satu set tanda-tanda

maklumat. Perkongsian sesuatu orientasi merangkumi penyaluran maklumat, idea-idea serta sikap-sikap dan sebagainya. Definisi yang lebih kurang sama maksudnya turut diberikan oleh Emery, Ault dan Ageel (1973 : 4) dalam buku mereka "*Introduction to Mass Communication*".

Manakala Dean Barnlund (1968 : 6) pula telah mendefinisikan komunikasi sebagai usaha untuk memberikan makna, suatu tindakan kreatif yang diinisiatifkan oleh seseorang bagi memilih serta mengolah pelbagai tanda agar dapat menyesuaikan dirinya dengan persekitaran di samping memenuhi keperluan diri yang sentiasa berubah. George Lundberg (1939 : 253) telah menerangkan komunikasi sebagai :

"we shall use the word communication, then, to designate interaction by means of signs and symbols. The symbols may be gastrula, pictorial, plastic, verbal, or any other which operate as stimuli to behavior which would not be evoked by the symbol itself in the absence of special conditionings of the person who responds. Communication is, therefore, a sub-category under interaction, namely, the form of interaction which takes place through symbols".

Komunikasi jika ditinjau dari sudut psikologi adalah suatu proses dalam setiap situasi yang melibatkan makna (Lindgren, H.C. 1953 : 135). Ada juga di kalangan para sarjana menggunakan istilah komunikasi dalam pengertian yang lebih luas, meliputi interaksi bukan manusia (*non human interactions*). S.S. Steven (1950 : 22: 689), misalnya, telah menyatakan :

"Communication is the discriminatory response of an organism to a stimulus ... This definition says that communication occurs when some environmental disturbance (the stimulus) impinges on an organism and the organism does something about it (makes a discriminatory response). If the stimulus is ignored by the organism, there has been no communication. The test is differential reaction of some sort. The message that gets no response is not a communication".

Berdasarkan makna-makna yang dikemukakan oleh para sarjana tersebut, komunikasi sebenarnya bermaksud lebih daripada sekadar komunikasi verbal (lisan) dan non verbal (bukan lisan). Ini kerana komunikasi adalah satu proses penyaluran maklumat yang turut meliputi ucapan, tulisan, tingkah laku, tindakan, penampilan, autoriti dan sebagainya.

Komunikasi menurut perspektif Islam merupakan satu bentuk hubungan dan interaksi yang perlu wujud antara tiga unsur utama kehidupan iaitu manusia, alam dan Tuhan. Dalam hal ini, ketiga-tiga unsur tersebut adalah berkait rapat dan saling memerlukan, khususnya dalam konteks manusia sebagai fokus utamanya. Komunikasi manusia tidak akan terlepas daripada hubungannya dengan Tuhan.

Mengabaikan Tuhan dalam berkomunikasi bererti mengabaikan aqidah. Mengabaikan aqidah bererti turut mengabaikan syariat dan akhlak yang telah diaturkan oleh Tuhan. Jalinan hubungan serta interaksi inilah yang menjadikan komunikasi dalam perspektif Islam bersifat unik dan tersendiri.

Sekalipun manusia adalah fokus utama, namun kenyataan tersebut adalah berbeza dengan kedudukan manusia dalam komunikasi menurut perspektif positivistik Barat yang menjadikan manusia sebagai dasar untuk segala-galanya. Dalam Islam, bidang kuasa dan kemampuan manusia ada batasannya, malah sentiasa terikat dengan pelbagai peraturan Ilahi, Maha Pencipta.

R. Agus Toha Kuswata (1990 : 11) menjelaskan bahawa gambaran komunikasi dalam konteks keIslamannya adalah suatu usaha mempengaruhi, mengajak seterusnya

memindahkan pemikiran, pengetahuan, perlakuan serta perbuatan yang tidak diredhai Allah kepada yang diredhai Allah. Kenyataan ini sesuai dengan hakikat komunikasi yang tidak terbatas sekadar verbal dan non verbal sahaja, malah turut meliputi ucapan, tulisan, tingkah laku, perbuatan dan sebagainya.

Pernyataan R. Agus Toha Kuswata tersebut didokong juga oleh A. Hasymy (1074 : 28) yang menyatakan bahawa komunikasi dalam Islam merupakan dakwah atau suatu ajakan untuk meyakini serta mengamalkan aqidah dan syaria Islam.

Secara umumnya, komunikasi dalam perspektif Islam adalah berkait rapat dengan dakwah. Ini selaras dengan maksud komunikasi dan dakwah yang bertujuan untuk menyampaikan satu mesej daripada penyampai (komunikator) kepada penerima (komunikan) melalui medium tertentu, seperti juga yang telah dicadangkan oleh para sarjana Barat ketika membincangkan maksud komunikasi.

Secara khususnya, komunikasi Islam membawa pengertian mengajak atau memindahkan suatu pihak untuk meninggalkan segala bentuk perbuatan atau pemikiran yang tidak diredhai Allah, kepada perbuatan atau pemikiran yang diredhai Allah.

Dapat dikatakan bahawa komunikasi dalam Islam menekankan aspek rohaniah lebih daripada aspek lahiriah kerana komunikasi sebenarnya berkait rapat dengan unsur-unsur rohani yang berhubung rapat dengan soal aqidah, syaria dan akhlak. Setiap elemen tersebut berkait rapat dengan hati (*qalb*) manusia. Tindakan dan perlakuan manusia pada zahirnya adalah refleksi serta manifestasi daripada sifat dan

sikap hatinya. Perkaitan tersebut dapat dilihat menerusi definisi komunikasi dalam Islam yang menekankan keredhaan Allah dalam sesuatu proses komunikasi.

Pada dasarnya, definisi komunikasi yang dicadangkan oleh para sarjana Barat adalah tidak jauh berbeza dengan apa yang dicadangkan oleh para sarjana Islam. Cuma definisi-definisi tersebut lebih bersifat operatif dan teknikal.

Manakala dalam Islam, komunikasi diberikan pengertian yang lebih luas daripada itu, iaitu melibatkan juga unsur-unsur ketuhanan dan keagamaan dalam perspektifnya. Perbincangan mengenai komunikasi antara sesama manusia membawa bersama perbincangan mengenai persoalan ketuhanan dan spiritualiti. Malah, dalam apa jua perbincangan berkenaan dengan manusia, perkaitan antara manusia sebagai makhluk dengan Allah sebagai Tuhan Maha Pencipta tidak dapat dipisahkan sama sekali.

2.5 SUMBER KOMUNIKASI ISLAM :

Komunikasi, seperti juga lain-lain bidang dalam Islam, adalah bersumberkan kepada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah, di samping sumber-sumber sampingan seperti al-Qiyas dan al-Ijma'.

Sebagai satu bidang kajian yang diiktiraf sebagai ilmu, umat Islam tidak dapat lari daripada menyatakan bahawa sumber ilmu yang sebenar ialah al-Quran dan al-Sunnah. Hal yang sama juga merangkumi ilmu komunikasi.

Menurut Majid Tehranian (1988 : 206), pandangan dunia Islam amat sebatian dengan pandangan komunikatif tentang Tuhan, sejarah dan takdir manusia. Allah ialah Tuhan yang komunikatif, yang campur tangan dalam sejarah melalui WahyuNya dan para NabiNya. NabiNya yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW telah membawa kepada manusia sejagat utusanNya yang paling lengkap dalam al-Quran. Daripada al-Quran, Sunnah Rasulullah SAW, al-Qiyas dan al-Ijma', telah lahir Syariah yang memberikan panduan lengkap serta maju untuk menguruskan hal ehwal manusia.

2.5.1. Al-Quran :

Al-Quran adalah kalam dan kitab Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW melalui Jibril. Al-Quran diturunkan buat pertama kalinya ketika Baginda SAW sedang berkhawatir di Gua Hira'. Wahyu tersebut merupakan penerusan daripada wahyu yang diterima oleh para Nabi sebelumnya. Konsepnya tidak berubah, begitu juga dengan fenomenanya. Hakikat ini telah diterangkan oleh al-Quran dalam surah al-Nisaa', ayat 163.

Kebenaran al-Quran sebagai maklumat wahyu dan sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW dapat dilihat dari dua segi ; pertama dari segi ketepatan dan keindahan mengikut kaedah bahasa. Kedua, kandungannya yang lengkap dapat memenuhi keperluan hidup manusia dan dapat dirasakan kebenaran maklumat di dalamnya tanpa terikat kepada masa, tempat dan manusia yang menerimanya, sekalipun ia diturunkan di tempat yang terbatas, masa yang terbatas, dan masyarakat yang terbatas (Abdul Halim El-Muhammady 1994 : 4).

2.5.2 Al-Sunnah :

Al-Sunnah berasal daripada kata dasar *sanna* yang bermaksud jalan, perangai, praktis, pembawaan dan cara hidup. Perkataan *Sunnah* mengikut penggunaan *fuqaha'* bermaksud khusus iaitu segala percakapan, perbuatan dan perakuan Rasulullah SAW. Al-Sunnah juga adalah wahyu daripada Allah dari segi kandungan maknanya dengan susunan kata-kata daripada Rasulullah SAW (Abdul Halim El-Muhammady 1994 : 4).

Istilah al-Sunnah juga adalah sinonim penggunaannya dengan istilah al-Hadis. Al-Hadis secara literalnya bermaksud komunikasi, cerita, perbualan ; keagamaan atau sebaliknya, pada masa kini atau lampau. Istilah al-Hadis tersebut dalam penggunaan al-Quran dan al-Sunnah membawa beberapa pengertian seperti komunikasi keagamaan, kisah mengenai alam, kisah sejarah, perbualan atau kisah semasa (Muhammad Mustafa Azami 1977 : 1-2).

Al-Sunnah atau pun al-Hadis juga adalah wahyu. Allah telah menegaskan tentang apa yang diucapkan oleh Nabi Muhammad SAW adalah wahyu seperti yang difirmankan oleh Allah, maksudnya :

“Dan ia (Muhammad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran ataupun Hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya”

(al-Najm 53 : 3-4)

Terdapat banyak ayat al-Quran yang memerintahkan manusia agar taat kepada Allah dan RasulNya SAW, antaranya ialah firmanNya yang bermaksud :

“ ... Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya ...”

(al-Hasyr 59 : 7)

Dengan kedudukannya sebagai wahyu, maka al-Sunnah juga merupakan salah satu bentuk komunikasi Allah dengan manusia dan sebaliknya, yang turut berfungsi sebagai salah satu sumber utama dalam komunikasi Islam.

2.5.3 Al-Qiyas dan Al-Ijma' :

Al-Qiyas dan Ijma' Ulama merupakan sumber sekunder berautoriti dalam keadaan ketiadaan keterangan yang jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah mengenai sesuatu perkara. Sekalipun wujud *khilaf* atau perbezaan pendapat mengenai kekuatannya sebagai hujah, namun *jumhur* (kebanyakan) ulama menerima pakai al-Qiyas dan al-Ijma', sebagai sumber yang ada autoritinya, terutama sekali dalam persoalan yang membabitkan hukum fiqh (Abdul Halim El-Muhammady 1994 : 24-33).

Daripada keempat-empat sumber tersebut, maka lahirlah aqidah, syariah dan akhlak yang menjadi sandaran hidup manusia. Menurut Majid Tehranian (1988 : 206), syariah atau pun sistem perundangan Islam meliputi segenap aspek, yang terperinci dan diwahyukan. Pintu ijtihad juga telah terbuka bagi membolehkan perundangan

Islam dipraktikkan ke atas perkara-perkara seperti sains moden dan teknologi, cara hidup, isu-isu ekonomi, sosial dan politik, asalkan tidak bercanggah dengan keempat-empat sumber Syariah. Perspektif inilah yang memberikan ilham kepada masyarakat Islam untuk bercakap atas nama sistem kepercayaan agama yang sama sekalipun wujud perbezaan pendapat di kalangan mereka.

2.6 ASAS KOMUNIKASI ISLAM :

Sumber-sumber komunikasi adalah dasar bagi setiap sesuatu idea atau amalan dalam kehidupan manusia. Bertolak daripada sumber-sumber tersebut, lahirah asas-asas komunikasi Islam. Asas-asas yang bersusur-galurkan sumber-sumber sahih tersebut seterusnya membentuk asas norma-norma komunikasi dalam Islam. Keadaan ini adalah bersesuaian dengan fenomena asas-asas tersebut yang bersifat normatif.

Asas-asas komunikasi dalam Islam adalah terdiri daripada tiga perkara iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Setiap satunya adalah saling berkaitan dengan yang lain. Aqidah menjadi asas kepada pelaksanaan syariat dan akhlak, seperti mana yang telah dianjurkan oleh Islam. Ketiga-tiga perkara tersebut turut menjadi asas dalam setiap aspek kehidupan manusia.

Gabungan ketiga-tiganya akan menjadikan kehidupan manusia sentiasa berada di atas landasan kebenaran, serta membentuk keharmonian hidup sejagat. Pengabaian walaupun hanya salah satu daripadanya, akan membuatkan kehidupan manusia menjadi tidak seimbang dan membawa kepada pelbagai bentuk kesan negatif.

2.6.1 AQIDAH :

Aqidah atau dikenali juga sebagai tauhid merupakan asas utama komunikasi Islam. Mengenali Allah sebagai Tuhan yang disembah dengan segala sifat kesempurnaan merupakan antara penjelasan utama aqidah Islam. Allah dikenali melalui beberapa aspek iaitu *Uluhiyyah*Nya, *Rububiyyah*Nya serta Nama dan SifatNya. Allah disucikan daripada segala bentuk kekurangan atau persamaan dengan makhlukNya menerusi kefahaman dan penghayatan aqidah Islam yang sebenar (Ibn Abi Al-'Iz Al-Hanafi 1988 : 78).

Kepentingan aqidah sebagai teras komunikasi Islam dapat dilihat melalui tempoh tiga belas tahun yang diambil oleh Rasulullah SAW sebelum berhijrah bagi membina aqidah umat Islam.

Keteguhan aqidah seterusnya membolehkan umat Islam membina serta mengembangkan peradaban mereka. Ternyata tanpa aqidah, tidak akan terbina Peradaban Islam, dan aqidah juga bertindak sebagai asas bagi komunikasi yang mencetus perkembangan peradaban tersebut.

Menurut Mustafa Haji Daud (1995 : 67), aqidah Islam adalah terdiri daripada dua bahagian utama iaitu iman dan taqwa. Melalui iman, umat Islam percaya dengan penuh yakin bahawa Allah Maha Esa, Maha Berkuasa, Maha Mencipta, Maha Mentadbir dan segala bentuk sifat yang menunjukkan kesempurnaan Allah. Allah juga bersifat Maha Mengetahui, mengetahui segala sesuatu tanpa terlepas sebarang bentuk perkara daripada pengetahuanNya.

Di akhirat kelak, setiap setiap anggota badan manusia, termasuklah lidah, mulut, tangan dan kaki, akan menjadi saksi kepada setiap perlakuan, tindakan, tutur kata dan budi bahasanya semasa hidup di dunia. Segalanya tidak akan terlepas daripada catatan malaikat ketika di dunia ini dan dihisab di hadapan Allah ketika di Padang Mahsyar kelak. Keimanan dalam aqidah tersebut akan menjadikan manusia bertanggungjawab secara langsung ke atas setiap tindakan dan perlakuannya di dunia, termasuklah dalam berkomunikasi.

Taqwa bermaksud perasaan takut kepada Allah, Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya. Melaluinya, seseorang individu sentiasa berhati-hati dalam setiap perlakuannya, sama ada secara zahir ataupun batin. Seterusnya mendorong dirinya agar sentiasa mematuhi segala perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya. Ia merangkumi segenap aspek kehidupan manusia, yang antara lainnya ialah aktiviti berkomunikasi.

Ketaqwaan akan memberikan kekuatan kepada seseorang insan dalam menentang godaan serta hasutan iblis dan hawa nafsunya. Ketaqwaan juga akan melahirkan sifat-sifat terpuji seperti ikhlas, jujur, benar, adil, amanah dan sebagainya. Di samping itu, ia turut menghindarkan diri seseorang itu daripada sifat-sifat keji serta tercela seperti dusta, khianat, zalim dan sebagainya.

Umat Islam sentiasa perlu berada di bawah lembayung aqidah Islam yang sebenar sekiranya inginkan keredhaan Allah serta kejayaan hidup di dunia dan di akhirat kelak. Iman dan taqwa saling bergandingan ke arah membentuk keunggulan aqidah dalam komunikasi Islam.

2.6.2 SYARIAH :

Allah telah meletakkan peraturan tertentu bagi mengatur perjalanan setiap makhlukNya. Bagi makhluk selain manusia, undang-undang atau peraturan tersebut disebut sebagai “ *sunnatullah* ”, atau dikenali juga sebagai “ *law of nature* ” dalam istilah sains. Manakala bagi manusia pula, undang-undang atau peraturan Allah tersebut diistilahkan sebagai Syariah. Dalam erti kata lain, syariah adalah perundangan daripada Allah untuk manusia yang telah dilantik sebagai khalifahNya di muka bumi ini.

Manusia turut tertakluk kepada sunnatullah, terutama sekali dalam aspek berbentuk fizikal seperti keperluan kepada makan, minum dan sebagainya. Secara khususnya, dari sudut kerohanian, manusia adalah diwajibkan patuh kepada syariah.

Keadilan Allah terbukti apabila manusia diberikan kuasa memilih sama ada mahu mematuhi ataupun mengingkari syariat tersebut. Namun begitu, manusia akan diberi balasan setimpal dengan pilihannya itu. Hanya menerusi keimanan dan ketaqwaan sahaja manusia mampu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi dengan melaksanakan segala tuntutan syariah.

Syariah bertindak mengatur ibadat khusus (*habl min Allah*), iaitu perlaksanaan rukun Islam. Allah juga mengatur ibadat umum (*habl min al-nas*), iaitu segala bentuk hubungan antara sesama manusia yang turut merangkumi budi bahasa dan komunikasi. Ini termasuklah penggunaan bahasa yang baik, halus dan bersopan santun. Manusia yang beriman dan bertaqwa akan dapat menghayati, seterusnya

melaksanakan syariah dengan mudah dalam segenap penjuru kehidupan mereka (Mustafa Haji Daud 1995 : 71).

Menurut Majid Tehranian (1988 : 205), dalam tradisi Islam, hukum Tuhan diwahyukan melalui Syariah, satu badan perundangan yang dibentuk daripada empat sumber asas pada abad-abad terawal dalam sejarah Islam iaitu al-Quran, Tradisi Rasul (al-Sunnah), al-Qiyas dan al-Ijma' (Persetujuan Ulama'). Komuniti Islam (Ummah) sangat bergantung kepada tradisi komunikasi lisan dan bertulis yang disusun ke dalam sistem perundangan.

Lidah yang merupakan antara alat utama dalam berkomunikasi, perlu dimanfaatkan untuk melaksanakan titah perintah Allah. Itulah penggunaan bahasa yang betul seperti mana yang dikehendaki oleh Allah (Hamka 1976 : 11).

2.6.3 AKHLAK :

Para sarjana Islam telah memberikan pelbagai definisi untuk menerangkan maksud akhlak. Secara umumnya, akhlak bermaksud kejiwaan yang darinya akan terbit tingkah laku dan perbuatan manusia. Semenjak dahulu sehingga sekarang, dimensi *batiniyyah* (kejiwaan) dan *lahiriyyah* ataupun *zahiriyyah* (luaran) sentiasa dikombinasikan dalam mendefinisikan akhlak.

Menurut Ibn Miskawayh (1966 : 31) dan Al-Ghazali (1976, 3 : 68), akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, darinya terbentuk perbuatan dengan mudah, dengan tidak berkehendakkan pertimbangan fikiran terlebih dahulu.

Manakala Ahmad Amin (1969 ; 63), pula telah mendefinisikan akhlak sebagai sifat batiniyyah (kejiwaan) bukan lahiriyah (luaran). Perbuatan lahiriyah dinamakan “ kelakuan ” atau “ *mu'amalat* ”, di mana ianya merupakan gambaran dan bukti adanya sifat kejiwaan atau akhlak.

Berdasarkan pelbagai definisi yang diberikan bagi menerangkan akhlak, Miqdad Yaljin (1973 : 34) telah meringkaskan akhlak kepada tiga aspek ;

1. Sifat semulajadi yang dimiliki oleh seseorang secara fitrah,
2. Sifat yang dimiliki oleh seseorang melalui latihan atau sebagainya, yang akhirnya diterima sebagai adat atau tabiat, dan
3. Akhlak meliputi dua dimensi iaitu batin atau kejiwaan dan zahir iaitu kelakuan.

Panduan mengenai akhlak *mahmudah* (terpuji) dan akhlak *mazmumah* (tercela) telah diberikan oleh Allah melalui al-Quran dan al-Sunnah. Ianya meliputi setiap aspek kehidupan manusia, termasuklah dalam berkomunikasi.

Manusia telah diberikan kuasa memilih bagi menentukan akhlaknya, namun dipertanggungjawab di atas setiap pilihannya itu. Hanya manusia yang beriman, bertaqwa, beramal salih dan beribadat kepada Allah sahaja yang memilih akhlak mahmudah.

Sebaliknya, manusia yang tidak beriman atau tidak bertaqwa kepada Allah akan terjerumus ke lembah maksiat dalam pelbagai perkara dengan mudah. Hal ini

termasuk juga dalam aspek komunikasi yang menjadi aktiviti harian manusia. Komunikasi adalah antara unsur utama dalam menjayakan *habl min al-nas* yang telah ditentukan oleh Allah. Komunikasi yang baik, merupakan pancaran kombinasi zahir dan batin yang bersepadu. Ianya perlu berlangsung dalam lingkungan akhlak mahmudah, di samping aqidah yang benar dan syariah yang telah diwahyukan oleh Allah.

2.7 FALSAFAH KOMUNIKASI ISLAM :

Komunikasi dalam perspektif Islam bukanlah sesuatu yang baru. Komunikasi merupakan satu bidang ilmiah yang telah lama wujud, iaitu semenjak turunnya al-Quran sebagai wahyu dari Ilahi dan diperkembangkan lagi melalui tindakan, perkataan serta perakuan RasulNya iaitu Nabi Muhammad SAW.

Malah, komunikasi yang sebenarnya telah wujud jauh lebih awal daripada itu iaitu ketika sebelum penciptaan manusia di mana Allah telah pun berkomunikasi dengan para Malaikat dan Iblis tentang penciptaan manusia. Dalam Islam, interaksi antara Allah, manusia serta alam telah membentuk hubungan komunikasi yang unik dan tersendiri.

Dalam arus perdana masa kini, perbincangan mengenai komunikasi adalah terlalu tertumpu kepada komunikasi yang wujud antara manusia, biar apa pun sudut pandangannya. Komunikasi, sama ada dilihat daripada sudut sosiologi, psikologi, politik, pembangunan dan sebagainya, hanya mementingkan interaksi serta hubungan antara manusia sebagai fokus. Terlalu sedikit tumpuan yang diberikan untuk

mendalami komunikasi yang wujud dalam alam haiwan dan alam sekitar. Keadaan yang sama juga berlaku bagi alam teologi dan metafizik.

Teori Komunikasi Islam, menurut Majid Tehranian (1988 : 202), adalah lebih normatif daripada empiris dalam orientasinya. Teori ini menangani masalah “sepatutnya” dan bukannya realiti objektif. Tanpa mengambil kira pengisytiharan tentang keutamaan normatif seperti itu, telah terbukti bahawa jauh lebih sukar untuk mendapatkan satu konsensus Islam tentang tafsirannya dalam amalan seharian. Perspektif Islam tentang persoalan penting dalam teori dan amalan komunikasi seperti itu meliputi yang paling tradisional sehinggalah yang paling moden.

Komunikasi dalam Islam perlu dilihat daripada sudut pandangan yang lebih luas. Komunikasi Islam adalah berdasarkan peraturan dan pembahagian yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah, dengan didokong oleh al-Qiyas dan al-Ijma'. Segala aspek kehidupan manusia telah diterangkan dengan jelas dalam sumber-sumber tersebut. Daripada sumber-sumber tersebutlah terbentuknya tiga perkara yang menjadi tunjang kehidupan manusia serta asas Peradaban Islam iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak.

Menurut Mohammad A. Siddiqui (1988 : 5 (2); 239-246), al-Quran dan al-Sunnah telah menyediakan satu jalan tersendiri bagi manusia untuk berinteraksi dan berkongsi maklumat serta perkara-perkara asas dalam kehidupan. Prinsip-prinsip Islam berkenaan dengan perkongsian idea dan komunikasi telah membawa kepada sesuatu yang dikatakan sebagai “ cara hidup Islam ”.

Prinsip-prinsip Islam tersebut adalah berbeza dengan lain-lain sistem berkenaan perkongsian idea dan informasi. Salah satu perbezaannya ialah sifat semulajadi sistem interaksi tersebut sendiri yang bersifat universal dan bebas daripada mana-mana sikap prejudis terhadap bangsa, warna kulit, bahasa, kewarganegaraan dan sebagainya. Perbezaan kedua ialah sifat semulajadi sistem tersebut yang pragmatik.

Sifat pragmatik tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui ayat al-Quran yang bermaksud : “ sesungguhnya orang yang beriman dan mengerjakan amal salih ” . Keperluan untuk berkongsi idea adalah jelas berkait rapat dengan pemikiran, kepercayaan dan tindakan. Ini ditambah dengan sifat komprehensif yang ditonjolkan melalui “ Amal Salih ” telah melebarkan lagi skop perkongsian idea dan ko-orientasi. Justeru, model komunikasi dalam kerangka Islam perlu menyediakan asas-asas perkongsian idea dan ko-orientasi.

Model sebegitu perlu mendapat sumbangan dan gabungan pemikiran daripada bidang-bidang sosiologi, psikologi, sains politik, antropologi dan komunikasi. Model dalam bentuk sebegitu pasti akan memudahkan lagi kefahaman tentang Islam sebagai cara hidup di mana manusia sama ada secara individu, berkumpulan atau bermasyarakat, akan dapat mengatur hal-ehwal kehidupan mereka dari segi keperibadian, sosial, budaya, ekonomi dan politik (Mohammad A. Siddiqui 1988 : 5 (2): 239-246).

Menurut Imtiaz Hasnaian (1988 : 195), satu aspek perspektif Islam dalam komunikasi ialah penekanannya ke atas nilai (sosial, agama dan kebudayaan), dan terhadap penyelidikan secara penglibatan. Hasil daripada konsep pendekatan

penyelidikan melalui penglibatan ini ialah satu aspek komunikasi antara perseorangan, yang mungkin merupakan satu aspek teori komunikasi yang paling mengarah kepada sosio-agama-budaya.

Komunikasi antara individu, yang merangkumi bidang berhubung dengan ucapan, gaya percakapan, perlakuan sosial dan sains tentang idea pengucapan serta sains tentang gaya yang merupakan sebahagian daripada bidang retorik, adalah perlu untuk mengekalkan keadilan satu order sosial, yang juga merupakan satu asas penyusunan cara hidup Islam.

Secara keseluruhannya, komunikasi antara perseorangan dalam perspektif Islam mempunyai nilai dan mutu yang tersendiri. Di samping mutu seperti kerendahan hati, kebaikan dan keadilan, terdapat beberapa aspek komunikasi yang penting dalam Islam seperti kejujuran, keikhlasan, kebenaran mesej yang disampaikan, pengesahan sumber mesej dan penyiasatan untuk mengesahkan kejujuran serta ketepatan komunikator.

Penyiasatan ke atas komunikator sebagai subjek ini termasuk dalam bidang kritikan peribadi (*al-jarh wa al-ta'dil*), yang bertujuan menyiasat keboleh-percayaan dan ketidakboleh-percayaan para pengutus (penyampai) tradisi. Pendekatan dalam bidang komunikasi seperti ini telah melahirkan “ histriografi ” dalam Islam (Imtiaz Hasnain 1988 : 193).

Secara umumnya, falsafah komunikasi Islam adalah berdasarkan sumber-sumber yang diperakui kebenarannya iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Berdasarkan

wahyu dan hakikat yang berlaku, komunikasi Islam adalah bersifat menyeluruh, merangkumi segenap bidang dan aktiviti kehidupan manusia.

Justeru, komunikasi Islam yang berjaya dari sudut praktikalitinya akan mampu memberikan kesan positif pada diri individu dan masyarakat, seterusnya berperanan dalam penjana Peradaban Islam.

2.8 SEJARAH KOMUNIKASI ISLAM :

Ditinjau dari sudut sejarah, komunikasi dalam Islam sebenarnya telah wujud semenjak sebelum kejadian manusia lagi. Malah manusia sendiri telahpun melalui proses komunikasi sebelum kelahirannya di muka bumi ini.

Al-Quran telah menceritakan tentang komunikasi yang wujud antara Allah dan hamba-hambanya yang lain seperti Malaikat dan Iblis sebelum penciptaan manusia. Antaranya, firman Allah yang bermaksud :

“ Dan ingatlah (peristiwa) tatkala Tuhanmu berfirman kepada malaikat :
“Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering,
yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya ...” ”

(al-Hijr 15 : 28).

Manusia pertama diciptakan oleh Allah iaitu Adam, telah berkomunikasi semenjak awal penciptaannya lagi. Al-Quran telah menjelaskan bagaimana Adam telah berbicara dengan Allah, Malaikat dan juga Iblis semasa berada di syurga lagi (Al-Baqarah 2 : 31), iaitu sebelum manusia diutuskan ke muka bumi. Penerangan

al-Quran tersebut, secara tidak langsung turut membuktikan bahawa kejadian manusia di bumi telah lahir bersama dengannya kebolehan berkomunikasi. Justeru, komunikasi menjadi fitrah dalam diri manusia.

Malah, pada saat penciptaan dan sebelum kelahirannya lagi, manusia telah berkomunikasi dengan Allah. Kenyataan tersebut telah diriwayatkan oleh al-Quran di dalam Surah al-A'raaf 7 : 172, yang disebut juga sebagai Perjanjian antara Manusia dengan Allah (*al-Mithaq* atau *Primordial Covenant*).

Perjanjian tersebut memainkan peranan penting dalam hakikat kejadian serta peranan kehidupan manusia. Ia turut merangkumi perhubungan dan komunikasi yang sepatutnya berlaku kehidupan manusia seterusnya sehinggalah ia dilahirkan ke dunia.

Dalam kehidupan manusia selanjutnya di muka bumi, pedoman hidup telah disediakan sewajarnya melalui perutusan para rasul yang membawa bersama mereka risalah dan wahyu Ilahi. Para Rasul yang diutuskan oleh Allah merupakan medium komunikasi dalam menyampaikan mesej-mesejNya kepada manusia. Kemudiannya, para rasul tersebut berkomunikasi dengan manusia lain dengan menggunakan pelbagai metod dan medium, mengikut kesesuaian suasana, keadaan serta keperluan semasa dalam melaksanakan tanggungjawab kerasulan mereka.

Komunikasi antara sesama manusia terus berkembang sejajar dengan keperluan dan perkembangan kehidupan mereka di muka bumi ini. Namun begitu, perkembangan serta perjalanan komunikasi tersebut sentiasa didasari oleh peraturan-peraturan tertentu.

Peraturan komunikasi antara sesama manusia serta antara manusia dengan Tuhan dan alam telah ditentukan oleh Penciptanya menerusi aqidah, syariah, serta akhlak. Peraturan komunikasi tersebut adalah penting bagi manusia bagi menjamin kebahagiaan serta kejayaan menyeluruh dan hakiki bagi kehidupan mereka. Kecelaruhan dan suasana tidak harmoni akan lahir dalam kehidupan manusia sekiranya peraturan komunikasi tersebut tidak dilaksanakan sebaiknya.

2.9 FUNGSI KOMUNIKASI ISLAM :

Pada asasnya, fungsi-fungsi komunikasi seperti pemindahan maklumat, pendidikan, pemujukan, hiburan (Schramm et al. 1973 : 27) dan sosialisasi (Mansor Ahmad Saman et al. 1984 : 10) yang dikemukakan oleh para sarjana komunikasi, turut berperanan dalam komunikasi Islam.

Namun, lebih daripada itu, komunikasi dalam Islam mempunyai fungsi yang lebih khusus iaitu pengabdian diri manusia sebagai makhluk yang dhaif kepada Allah, Tuhan Maha Pencipta dan Maha Berkuasa.

Menurut R. Agus Toha Kuswata (1990 : 25-34), fungsi pelaksanaan komunikasi Islam sebagai satu dakwah, mempunyai tugas atau fungsi menyebarkan ajaran agama Islam melalui beberapa cara, antaranya :

1. Membetulkan *I'tiqad*
2. Mencegah kemungkaran
3. Membersihkan jiwa

4. Menggalakkan amal
5. Mengukuhkan peribadi
6. Membina perpaduan dan kesatuan
7. Menangkis budaya yang merosakkan

Segala fungsi tersebut, biar apa pun cara perlaksanaannya, mempunyai matlamat yang sama iaitu pengabdian hidup manusia kepada Penciptanya.

2.10 INSTITUSI KOMUNIKASI ISLAM :

Seperti juga dengan bidang ilmiah lain, komunikasi dalam Islam mempunyai institusinya sendiri. Menurut Majid Tehranian (1988 : 206), pandangan dunia telah menjadi kenyataan melalui tiga institusi komunikasi Islam termasuklah Syariah, Ulama dan Masjid.

Syariah yang berasal daripada perkataan Arab adalah bermaksud jalan untuk diikuti. Syariah bukan sahaja jalan yang membawa kepada Allah, tetapi juga jalan yang dipercayai oleh semua orang Islam sebagai jalan yang ditunjuk oleh Allah, iaitu melalui pesuruhNya, Nabi Muhammad SAW (Abdur Rahman I. Doi 1984 : 3).

Syariah tidak mempunyai kuasanya tersendiri tanpa penjaganya, iaitu para Ulama Islam. Mereka merupakan golongan elit komunikasi yang terdiri daripada para ilmuan, yang berperanan seperti para menteri Islam. Hubungan antara manusia dengan individu Muslim bukan sahaja secara langsung tetapi juga untuk melindungi,

menyebar dan mentadbir Syariah, maka para Ulama telah menyusun hierarki, sistem sokongan dan rangkaian komunikasi mereka sendiri. Kedudukan Ulama dalam masyarakat Islam telah dihubungkan dengan tiga peranan mereka sebagai pemimpin, pendidik dan penegak kebenaran dalam agama.

Sekularisasi telah mengambil alih secara beransur-ansur fungsi pendidikan dan pengadilan daripada mereka, sementara fungsi mereka sebagai pemimpin agama pula telah dilemahkan oleh ideologi sains moden, nasionalisme dan Marxisme. Ideologi moden dan sekular, media massa, sistem perundangan, undang-undang serta pendidikan merupakan antara sumber pemusnahan dalam persaingan yang terjadi di antara institusi komunikasi moden dengan institusi komunikasi Islam.

Sekalipun terdapat cabaran sekular yang hebat, masjid sebagai pusat peribadatan Islam dan sebagai pusat rangkaian komunikasi terus hidup serta berkembang maju pada zaman moden ini. Teori komunikasi dan pembangunan Barat telah seringkali mengandaikan bahawa akhirnya sekularisasi akan berlaku bersama-sama dengan proses modenisasi. Namun, masjid telah menjadi pusat perlindungan untuk melindungi diri daripada serangan modenisasi yang juga proses pembaratan.

Agama Islam dan masjid telah membuktikan bahawa kedua-duanya merupakan tenaga yang dapat menjadi jambatan kepada jurang ideologi dan kebendaan yang meluas di antara rakyat massa tradisional dengan masyarakat Islam kelas pertengahan yang agak moden (Majid Tehranian 1988 : 207-208).

2.11 BIDANG KOMUNIKASI ISLAM :

Komunikasi mempunyai bidang-bidang kajiannya tersendiri, berdasarkan kepada fokus atau aspek yang menjadi teras perbincangan. Pembahagian komunikasi mengikut bidang-bidang tertentu adalah penting kerana wujudnya perbezaan di antara bidang-bidang tersebut, di samping untuk memudahkan lagi pengkajian. Namun begitu, setiap bidang yang berbeza tersebut tetap mempunyai pertalian rapat antara satu sama lain. Kajian-kajian yang dilakukan dalam pelbagai bidang tersebut juga seterusnya akan menyumbang ke arah kefahaman lebih baik mengenai proses komunikasi.

Sekalipun kadang kala wujud pertindihan antara satu dengan yang lain, namun secara umumnya komunikasi dibahagikan kepada :

1. Komunikasi Intrapersonal
2. Komunikasi Interpersonal
3. Komunikasi Kumpulan
4. Komunikasi Antarabangsa
5. Komunikasi Antara Budaya
6. Komunikasi Massa

Seperti juga dalam perbincangan komunikasi Barat, komunikasi Islam turut merangkumi bidang-bidang yang serupa. Persoalan-persoalan seperti komunikasi intrapersonal, interpersonal, antarabangsa, antarabudaya, antarakumpulan dan juga komunikasi massa telah diperbincangkan dalam Syariah.

Syariah juga telah memberikan panduan yang lengkap mengenai persoalan-persoalan tersebut. Kupasan Syariah berkaitan dengan bidang-bidang tersebut merupakan salah satu bukti universaliti Islam itu sendiri. Ini menjadikan komunikasi Islam bersifat menyeluruh merangkumi aspek-aspek sosial, ekonomi, budaya, pembangunan, politik dan sebagainya.

Malah, Syariah telah memberikan panduan yang jauh lebih luas berbanding dengan apa yang dikemukakan oleh sains Barat, khususnya dari sudut spiritual atau kerohanian. Umpamanya, Syariah turut mengambil kira persoalan ketuhanan, niat, tata cara, akhlak dan sebagainya ketika membincangkan bidang-bidang komunikasi tersebut.

Al-Quran, al-Sunnah, al-Qiyas dan al-Ijma' telah memberikan jawapan kepada segala bentuk persoalan kehidupan manusia. Manakala bagi persoalan-persoalan yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam sumber-sumber utama Islam tersebut, pintu ijtihad yang dahulunya telah tertutup pada zaman Pertengahan Islam telah dibuka kembali.

Justeru, Syariah atau Perundangan Islam yang baru dibolehkan ke atas perkara seperti sains moden, teknologi, cara hidup serta isu-isu ekonomi, sosial dan politik, asalkan tidak bercanggah dengan keempat-empat sumber Syariah. Fenomena tersebut menjadikan kehidupan manusia di dunia ini tersusun dengan kemas dan menyeluruh dalam Syariah, biar apa pun jua persoalannya. Mengabaikan Syariah akan membuatkan kehidupan manusia menjadi kucar-kacir dan berlakunya pelbagai masalah masyarakat.

2.12 BENTUK DAN MODEL KOMUNIKASI ISLAM :

Secara umumnya, para pengkaji komunikasi membahagikan komunikasi kepada dua bentuk iaitu komunikasi *verbal* (lisan) dan komunikasi *non verbal* (bukan lisan).

Komunikasi verbal merupakan komunikasi yang berlangsung dengan menggunakan bahasa dan sebarang bentuk simbol untuk memudahkan pertukaran mesej. Ia boleh dikatakan sebagai sinonim dengan segala bentuk sistem interaksi dalam yang bersifat simbolik dan rambang (Gouran, D.S. et.al 1994 : 83).

Komunikasi verbal juga dikenali sebagai pertuturan interaksi simbolik (*spoken symbolyc interaction*) yang turut merupakan proses di mana seseorang menggunakan perkataan dan lain-lain simbol untuk membentuk makna serta mempengaruhi orang lain (Trenholm, S. 1994 : 26).

Manakala komunikasi non verbal, menurut Lewis (1975 : 151), boleh didefinisikan sebagai segala bentuk mesej (komunikasi) yang tidak dikodkan dalam perkataan. Perbezaan utama yang terdapat antara sifat komunikasi verbal dan non verbal ialah komunikasi verbal adalah diatitkan oleh sistem bahasa, manakala komunikasi non verbal pula adalah sebaliknya (tidak diatur oleh sistem bahasa).

Komunikasi non verbal mempunyai “ bahasa ” nya yang tersendiri. Menurut Ruesch dan Kees (Knaap, M. 1972 : 107-119), “ bahasa ” komunikasi non verbal boleh dikategorikan kepada lima bahagian iaitu :

1. Isyarat yang berkenaan dengan ruang dan waktu
2. Isyarat yang berkenaan dengan pergerakan tangan
3. Isyarat yang berkenaan dengan air muka
4. Isyarat yang berkenaan dengan nada
5. Isyarat yang berkenaan dengan pakaian

Perbezaan antara verbal dan non verbal tidak boleh dilihat dari segi pengucapannya atau tidak. Dalam komunikasi verbal, ada yang bersifat vokal seperti bahasa pertuturan, dan ada yang tidak bersifat vokal seperti bahasa bertulis, braille dan sebagainya. Begitu juga dengan komunikasi non verbal, ada yang bersifat vokal seperti kualiti vokal (*tone*, *pitch* dan lain-lain), tangisan atau sebagainya, dan ada yang tidak bersifat vokal seperti luahan emosi, gamitan atau sebagainya (Gouran, D.S. et al. 1994 : 83).

Persoalan komunikasi manusia dalam bentuk verbal dan bukan verbal turut dibincangkan dalam Islam, walaupun dalam bentuk yang agak berbeza.. Secara umumnya, manusia berkomunikasi dengan menggunakan lisan. Komunikasi lisan manusia tersebut dibahagikan kepada dua bentuk iaitu *lisan al-maqal* dan *lisan al-hal* (Toto Tasmara 1987 : 64). *Lisan al-maqal* merupakan tindakan manusia berkomunikasi dengan menggunakan bahasa dan kata-kata, walau dengan apa cara sekalipun. Manakala *lisan al-hal* pula adalah komunikasi manusia berdasarkan gerak geri, tindakan, sikap, perbuatan dan apa jua perlambangan yang dapat difahami.

Para sarjana telah menjalankan pelbagai bentuk kajian dalam bidang komunikasi dengan penegasan asas berdasarkan bidang tertentu. Kajian-kajian

tersebut telah menghasilkan pelbagai bentuk model bagi menerangkan proses komunikasi yang berlaku. Kebanyakannya adalah didasarkan kepada bidang kajian yang berkaitan.

Pada asasnya, kajian dalam bidang komunikasi adalah berteraskan dua bentuk pendekatan atau model iaitu pendekatan kod dan juga pendekatan semiotik. Pendekatan atau model kod telah dimulai oleh Lasswell (1948) dan terus dikembangkan oleh para sarjana komunikasi selepasnya seperti Shannon dan Weaver (1949) serta Schramm (1954 : 3-26, 1960 : 117-130).

Lasswell telah mencadangkan bahawa proses komunikasi adalah melibatkan lima persoalan pokok iaitu : siapa berkata, berkata apa, melalui saluran mana, kepada siapa dan apakah kesannya. Manakala model Shannon-Weaver pula yang lebih bersifat teknikal menekankan persoalan sumber, saluran, enkod, mesej, dekod, destinasi dan gangguan. Schramm telah memperbaiki model Shannon-Weaver tersebut dengan menambah aspek rangka rujuk atau *field of experience*.

Para sarjana komunikasi seterusnya mencadangkan pelbagai model lagi, namun kebanyakannya adalah berasaskan model-model yang telah diketengahkan oleh para sarjana tersebut, di samping sedikit pengembangan dan penerangan.

Secara umumnya, boleh dikatakan bahawa pendekatan kod ini telah dibentuk daripada beberapa bentuk acuan ataupun model. Ada yang bersifat linear, ada yang bersifat partisipatif, dan sebagainya. Model-model kod ini juga telah memperlihatkan bahawa proses komunikasi perlu dijayakan oleh lima unsur asas iaitu sumber

(penyampai), saluran, mesej, penerima dan kesan komunikasi tersebut. Persoalan-persoalan seperti gangguan, rangka rujuk, maklum balas dan sebagainya merupakan aspek-aspek yang perlu diambil kira bagi memastikan proses komunikasi dapat berlangsung dengan berkesan.

Satu lagi pendekatan yang dicadangkan dalam menerangkan proses komunikasi ialah pendekatan semiotik. Menurut Franz-Josef Eilers (1987 : 39), tujuan utama komunikasi menurut pandangan semiotik adalah untuk menciptakan mesej dari tanda-tanda (simbol-simbol) atau mendapatkan makna daripada sesuatu mesej melalui tanda (simbol) yang disampaikan.

Menurutnya lagi, pandangan semiotik adalah tentang pembuatan dan pertukaran makna melalui tanda-tanda. Peranan komunikasi adalah untuk menegak dan melestarikan nilai-nilai, serta bagaimana nilai-nilai tersebut menjadikan komunikasi mempunyai makna.

Perlu disedari bahawa keadaan ini akan membuatkan makna yang terhasil daripada tanda itu adalah bergantung kepada konteks ketika berlangsungnya komunikasi tersebut. Berdasarkan pengertian tersebut, maka tidak wujud konsep pembahagian dalam komunikasi dan tidak diperhatikan akibat atau ketepatan komunikasi. Komunikasi tetap perlu berlangsung (Franz-Josef Eilers 1987 : 39).

Perkara-perkara seperti bentuk, model dan unsur komunikasi yang diperkenalkan oleh pemikiran saintifik Barat adalah diterima serta tidak dinafikan sepenuhnya oleh Islam. Ini kerana bentuk, model serta unsur yang diperbincangkan

adalah lebih bersifat operatif dan fungsional. Islam tidak menafikannya kerana Islam adalah agama yang fleksibel dan menerima segala pembuktian dunia sains selagi mana ianya tidak menyinggung apa yang telah digariskan oleh Syariah.

Syariah telah memberikan garis panduan meyeluruh tentang komunikasi dan segala bentuk interaksi serta perhubungan yang perlu wujud antara manusia, malah juga yang melibatkan alam dan Tuhan. Tanpa menafikan aspek-aspek teknikal dan mekanikal yang dibuktikan oleh sains, Syariah menegaskan unsur-unsur ketuhanan dan spiritual yang tidak diambil kira secara mendalam dalam perbincangan sains konvensional. Perkara inilah yang membezakan antara sains Islam dengan sains Barat masa kini.

2.13 KESIMPULAN :

Sains Barat semasa telah dan masih lagi menyediakan kajian yang mendalam tentang bidang komunikasi. Bidang komunikasi telah dikembang dan dikaji secara meluas dalam hubungannya dengan bidang-bidang ilmiah lain. Namun begitu, masih ada lagi ruang yang ditinggalkan oleh kajian komunikasi semasa. Di sinilah wujudnya ruang untuk diperbincangkan mengenai komunikasi daripada perspektif Asia yang nyata agak berbeza dengan perspektif semasa.

Islam, sebagai salah satu agama dan tradisi yang telah sekian lama bertapak di dunia ini, juga mempunyai perspektif tersendiri dalam membincangkan persoalan komunikasi. Kaitan komunikasi Islam dengan alam metafizik dan spiritual merupakan antara perkara yang begitu membezakan perspektif Islam dengan perspektif Barat.

Komunikasi Islam turut menekankan persoalan-persoalan yang kurang diberi perhatian dalam komunikasi konvensional seperti sumber-sumber serta asas-asas komunikasi, nilai-nilai akhlak dalam berkomunikasi, dan sebagainya.

Biarpun wujud beberapa perbezaan nyata antara perspektif Islam dengan perspektif Barat, namun ini tidak menjadi alasan bagi menolak perspektif Barat sepenuhnya. Ini kerana, Islam masih memberi ruang untuk pembuktian-pembuktian saintifik yang tidak bertentangan dengan garis panduan Syariah. Justeru, masih ada lagi ruang penyesuaian yang boleh dilakukan antara komunikasi perspektif Islam dengan perspektif Barat semasa. Segala kekurangan yang terdapat dalam perbincangan sains Barat dapat ditampung oleh ajaran-ajaran Islam.